

08/03/1997

IPTS perlu terap nilai murni kepada pelajar

INSTITUSI pendidikan tinggi swasta (IPTS) disaran memberi penekanan kepada aspek kerohanian dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri pelajar seeara serius di samping menitikberatkan pencapaian akademik mereka.

Isteri bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Rahah Tan Sri Mohd Noah, berkata IPTS tidak sepatutnya bertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata, tetapi mesti turut berusaha menangani gejala sosial yang semakin menular sekarang.

"Usaha menjuruskan kecemerlangan pelajar dalam bidang teknologi maklumat dan sebagainya akan dapat membantu negara untuk menjadi negara maju.

"Penekanan seimbang kepada aspek akademik dan kerohanian pula membawa kepada pembentukan generasi lebih cemerlang untuk memenuhi Wawasan 2020," katanya dalam ucapan di Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) ke-3 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau menyampaikan diploma dan sijil kepada sebahagian daripada 2495 graduan ITTAR, institusi milik penuh Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB).

Institut itu ditubuhkan pada 1 Oktober 1991 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Mac 1992.

Salah seorang graduan, Mawar Maureena Mustapa, 23, yang menerima Diploma Pengurusan Pelancongan berkata, beliau memilih bidang itu kerana minat yang mendalam terhadap bidang perkhidmatan.

"Minat terhadap bidang ini timbul dalam diri setelah melihat kejayaan ibu saudara saya dalam bidang pengiklanan dengan Penerbangan Malaysia.

"Bahkan sektor pelancongan yang menjadi sumber pendapatan utama negara sedang berkembang pesat dan menawarkan banyak peluang kerjaya," katanya yang berasal dari Kajang, Selangor.

Dalam majlis itu, Presiden ITTAR, Datuk Hassan Harun turut menyampaikan Anugerah Presiden kepada tiga graduan institut itu hasil kecemerlangan mereka dalam bidang masing-masing.

Mereka ialah Hasbullah Abdul Jalil (Diploma Lanjutan Pengurusan Perniagaan), Mohamad Azam Hashim (Diploma Teknologi Maklumat) dan Mohd Iderih Mohd Said (Diploma Pengurusan Perniagaan).

Hasbullah, 31, yang sudah berkeluarga dan mempunyai dua anak berkata, beliau memilih ITTAR sebagai institusi pilihannya kerana institut itu menawarkan masa kuliah yang luwes, iaitu pada hujung minggu.

"Kemudahan ini amat penting bagi kami yang bekerja dan hanya mempunyai masa untuk menghadiri kuliah pada hari cuti.

"Saya juga mengetuai kumpulan perbincangan dengan 20 orang rakan sekursus dan sering bertanya kepada pensyarah ketika menghadapi masalah untuk memahami isi kuliah," katanya yang sekarang yang berkhidmat dengan KUB Power Sdn Bhd sebagai Timbalan Pengurus Besar.

Seorang lagi penerima anugerah itu, Mohamad Azam, 25, berkata keadaan keluarganya yang serba kekurangan tetapi banyak membantu membiayai pengajiannya mendorongnya untuk berusaha gigih sebagai membalas jasa mereka.

Beliau yang sekarang bekerja sebagai Jurulatih Software, Pesaniaga Sdn Bhd bercadang melanjutkan pelajarannya melalui program Pendidikan Jarak Jauh Yayasan Pelajaran Mara dengan Universiti Malaya untuk mendapat ijazah Sarjana Muda Sains Komputer.

(END)